



## KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	13/11/2019	MUKA SURAT	:	19
JABATAN	:	KATS / SPAN			
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>			

### Masih ada hak runding harga jualan air mentah

**Kuala Lumpur:** Malaysia masih mempunyai hak untuk merunding semula harga jualan air mentah kepada Singapura mengikut Perjanjian 1962.

Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Datuk Dr Xavier Jayakumar berkata, Singapura mendakwa Malaysia hilang hak untuk semak semula harga penjualan air mentah kerana tidak berbuat demikian pada 1987 (iaitu 25 tahun selepas perjanjian ditandatangani).

"Saya dapati timbul isu *interpretation* (terjemahan) terhadap Perjanjian 1962 berkenaan.

"Ini kerana pihak Jabatan Peguam Negara mengesahkan bahawa Malaysia masih mempunyai hak berbuat demikian kerana Perjanjian 1962 menyebut bahawa semakan harga air boleh dibuat setiap tahun selepas 25 tahun dari tarikh Perjanjian 1962 ditandatangani.

"Perkara (semakan harga air) ini dalam tindakan Jabatan Peguam Negara," katanya ketika menjawab pertanyaan dikemukakan Datuk Seri Dr Santhara Kumar Ramanaidu (PH-Segamat) yang mahu mengetahui isu penjualan air mentah kepada Singapura.